

08 JUN 2002
MCA-Boikot/I
500 PERWAKILAN MCA SELANGOR BOIKOT KONVENSYEN

SEPANG, 8 Jun (Bernama) -- Kira-kira 500 dari 2,500 perwakilan MCA Selangor meninggalkan konvensyen tahunan MCA negeri itu sebagai memprotes keputusan speaker konvensyen yang memendekkan masa sesi perbahasan.

Kejadian itu berlaku selepas enam dari 17 perwakilan selesai mengambil bahagian membahaskan usul terima kasih terhadap ucapan pengerusi.

Speaker konvensyen, Khoo Ooi Sing memendekkan sesi perbahasan kerana kesuntukan masa, tetapi sesetengah anggota mahukan ia diteruskan.

"Kami mahukan perbahasan di sambung," kata seorang perwakilan yang bangun dan mengangkat tangannya.

Tetapi Khoo berkata masa telah suntuk dan sesi perbahasan perlu dipendekkan untuk ucapan penggulungan.

"Masa sudah suntuk dan ia sudah mencukupi," katanya disambut dengan jeritan para perwakilan.

Kemudiannya, kira-kira 500 perwakilan bangun dan meninggalkan dewan konvensyen.

Memberitahu pemberita kemudian, sesetengah mereka mempersoalkan keputusan memendekkan sesi perbahasan apabila semua 17 perwakilan bahagian sepatutnya mengambil bahagian.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang juga Pengerusi MCA Selangor berkata, dalam "masa ketenangan untuk MCA" pelbagai situasi boleh berlaku.

"Namun, majoriti tetap wujud walaupun mereka telah meninggalkan majlis," katanya ketika diminta mengulas mengenai kejadian itu.

Dr Ling juga berkata, perkara yang paling penting adalah bagi memastikan pelan perdamaian yang digariskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat dilaksanakan sepenuhnya di dalam parti.

-- BERNAMA
AT AFY HM